

<input checked="" type="checkbox"/>	Sinar Harian
<input type="checkbox"/>	Sinar Ahad
Tarikh:	9/8/2010
Hari:	RABU M/S: 427
Ruangan:	SEKOLAH

Sintok lahirkan generasi berilmu



■ Dr Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim membarkan Jalur Gemilang melepaskan konvoi merdeka sambil disaksikan Mohamed Mustafa (depan dua kiri).

MARIA UFFA ZULKAFELI

SINTOK - Pemimpin terdahulu mempunyai pemikiran yang tajam kerana mahu menggantikan darah parajurit dengan perjuangan baru untuk melahirkan generasi berilmu, berwawasan dan bakal mencetuskan keamanan kepada alam sejagat.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, kekuatan perjuangan parajurit membuah hasil apabila UUM mempunyai 75,000 alumni di seluruh negara dan Pekan Sintok yang dulunya sebuah kawasan hutan kini menjadi gedung ilmu kepada lebih 31,000 pelajar.

"Ini bermakna perjuangan parajurit terdahulu tidak sia-sia dan diteruskan generasi hari ini yang lebih cintakan keamanan dan kesejahteraan," katanya sempena Majlis Sambutan Hari Pahlawan dan Pelancaran Bulan Patriotisme 2010 di Dewan Mu'adzam Shah.

Beliau berkata, tanpa perjuangan parajurit dan pasukan keselamatan, keamanan yang sedia ada tidak akan tercapai kerana negara melalui pelbagai rintangan sebelum mencapai tahap aman pada masa kini.

Menurutnya, mengulas mengenai sejarah Sintok, ramai parajurit terkorban dalam usaha memperjuangkan hak di bumi Sintok ini daripada penguasaan komunis.

"Kawasan Sintok diteroka

pada awal 1990-an oleh kaum Cina yang memulakan aktiviti melombong bijih timah di kawasan ini sehingga muncul perkampungan kecil di kawasan Sungai Badak dan Bukit Kachi.

"Kawasan ini agak terpencil dan keadaan perhubungannya agak sukar, jalan sedia ada agak kecil menyebabkan pihak kerajaan tidak mengawal rapi kawasan ini kerana dipenuhi dengan hutan selain terdapat rangkaian yang menghubungkan Selatan Thailand, Sintok, Padang Sanai, Nani, Sik, Baling dan kawasan utara Perak," katanya.

Menurutnya, keadaan hutan dan faktor geografi itu menyebabkan Parti Komunis Malaya (PKM) menggunakan keistimewaan alam semula jadi yang strategik untuk bergerak aktif di kawasan Sintok yang bersempadan dengan Thailand.

"Di sini, bermulanya sejarah perjuangan parajurit kita apabila PKM mula menganas dengan memerangi pasukan polis yang ditempatkan di kawasan ini apabila PKM melancarkan kegiatan subversif dan ganas dengan menyerang hendap pasukan keselamatan sehingga ramai anggota keselamatan yang terkorban, cedera dan hilang.

"Beberapa serangan hendap dan pertempuran berlaku di kawasan Sintok, sejak 1948 sehingga pihak kerajaan mengambil tindakan memindahkan penduduk dari kawasan Sintok dan Sungai

Badak ke Pekan Changlon serta menahan 50 hingga 60 penyokong PKM untuk dihantar ke Pulau Jerjak," katanya.

Beliau berkata, kegiatan penguasaan komunis berterusan sehingga 18 Jun 1975 dan berakhir dengan perjanjian damai apabila PKM bersetuju meletak senjata dalam perjanjian yang ditandatangani pada 2 Disember 1989 di Haadyai, Thailand antara Kerajaan Malaysia dan Thailand.

"Hari ini, tanah di mana gugur satria negara dibangunkan sebuah kota ilmu iaitu UUM sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka justeru kita sangat menghargai jasa parajurit yang terkorban," katanya.

Menurutnya, jasa dan pengorbanan parajurit tidak sekadar dengan sambutan, malah UUM melancarkan Tabung Hari Pahlawan dengan mengutip derma bagi mengurangkan bebanan keluarga bekas parajurit yang terkorban dan cedera dalam perjuangan mereka di tanah air ini.

"Mungkin sumbangan ini agak kecil berbanding perjuangan mengangkat senjata tetapi budaya membantu harus diterapkan dalam diri setiap pelajar dan kakitangan di universiti ini dan sambutan ini sangat bermakna bagi mengenang jasa parajurit yang gugur di medan perang demi memberi keamanan dan kesejahteraan yang sudah dinikmati semua pihak selama ini," katanya.